



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 10/2022

HATI YANG TERPAUT DENGAN MASJID

08 Syaaban 1443 H

Bersamaan

11 Mac 2022

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي يَظِلُّ عِبَادَهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،

أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ حَفِظْكُمْ اللَّهُ،

Marilah sama-sama kita bertaqwa kepada Allah SWT dan taat kepada-Nya. Mudah-mudahan kita meraih kejayaan.

Pada hari penuh berkat ini, marilah kita menumpukan perhatian kepada khutbah bertajuk :

“Hati Yang Terpaut Dengan Masjid”.

Sidang jumaat yang dirahmati sekalian,

Di antara tujuh golongan yang disebutkan Nabi saw sebagai mereka yang dianugerahkan untuk dibayangi tuduhan Arasy pada hari Kiamat ketika manusia kepanasan, tiada tuduhan kecuali tuduhan-Nya ialah :

وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ بِالْمَسَاجِدِ

“Seseorang yang hatinya sentiasa terpaut dengan masjid”

(Hadith riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hati yang berpaut kepada masjid adalah kiasan kepada orang yang suka kepada masjid, cinta untuk sentiasa berada di dalamnya dan kasih untuk sentiasa kembali mengunjunginya, walaupun jasadnya mungkin berada di luar dari masjid kerana melaksanakan tugas kehidupan yang tidak boleh diabaikan. Jika tidak, nescaya dia tidak akan meninggalkan dan berpisah dengan masjid. Firman Allah dalam surah al-Jumuah ayat 10:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا

اللَّهِ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Bermaksud: “Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Menurut al-Munawi:

Hati yang terpaut dengan masjid ialah kecintaan kepadanya lantaran mengutamakan ketaatan kepada Allah swt dan kasihnya kepada pencipta. Hatinya sentiasa terikat dengan masjid kerana di situ kerehatan jiwanya, dekat dirinya dengan Tuhannya dan cergas khidmat bakti dan ibadatnya. Dia memilih untuk bernaung di bawah keberkatan masjid di dunia ini, maka Allah swt membalasnya dengan naungan teduhan-Nya pada hari akhirat kelak.

Hati orang mukmin di masjid bagaikan ikan yang selesa di dalam air. Manakala hati orang munafiq di masjid bagaikan burung yang kerimasan di dalam sangkar. Hati manusia mudah berubah dengan cepatnya. Sifatnya seperti bekas kosong, mudah diisi sama ada dengan air bersih atau air kotor.

Hati yang bersih cenderung kepada kebaikan. Demikianlah sebaliknya. Hati seorang mukmin cenderung untuk cintakan masjid, terpaut dan terlekat cinta dengannya.

Ibnu Rajab al-Hambali pula berkata :

Seorang yang mencintai masjid lantaran merasa terikat dengan ibadat di dalamnya. Apabila dia keluar dari masjid, hatinya masih terikat dengannya. Kerinduan terubat hanya apabila dia dapat kembali kepadanya.

Ini berlaku kepada seorang yang dapat menguasai hatinya dan memandunya ke arah ketaatan. Golongan terpilih ini termasuk dalam pujian dan sanjungan tuhan dalam Surah al-Nur, ayat 37:

رِجَالٌ لَا تُلْهِهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا
نَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٣٧﴾

Bermaksud : (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.

Kaum muslimin hafizakumullah.

Di antara ciri manusia yang hatinya terpaut dengan masjid adalah seperti berikut :

1. Sentiasa solat berjemaah.

Al-Imam Al-Zahabi menceritakan: Ibn Khafif seorang yang selalu sakit belakang. Apabila dia kesakitan, dia tidak mampu lagi bergerak. Namun setiap kali dilaung azan, dia akan dipapah ke masjid. Dia ditegur oleh orang ramai : Kenapa tidak kesian kepada diri sendiri? Dia menjawab : Jika kamu mendengar azan, dan kamu tidak temuiku di dalam saf, tolong cari aku di dalam kubur.

2. Rajin melangkah kaki ke masjid.

Nabi saw menyebut perkara yang boleh menggugurkan dosa-dosa antaranya ialah :

وَكثْرَةُ الْخُطَا إِلَى الْمَسَاجِدِ

Bermaksud : “ Banyak langkah-langkah ke masjid”.

(Riwayat Muslim)

Dalam hadith lain :

إِنَّ لَكُمْ بِكُلِّ خُطْوَةٍ دَرَجَةٌ

Bermaksud: “ Sesungguhnya untuk kamu bagi setiap langkah itu satu darjat.

(Riwayat Muslim)

3. Solat di awal waktu.

Dalam hadith tercatat :

أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ ، قَالَ : الصَّلَاةُ عَلَى وَقْتِهَا

Maksudnya: (Ditanya Nabi saw) “Apakah amalan yang paling dicintai di sisi Allah swt?” Nabi menjawab: “Solat pada (awal) waktunya”.

(Riwayat al Bukhari dan Muslim)

4. Menunggu-nunggu untuk solat seterusnya.

Sabda Rasulullah saw yang bermaksud :

“ Seseorang itu masih dikira di dalam solat selama mana ia menunggu untuk mengerjakan solat berikutnya.”

(Riwayat al Bukhari dan Muslim)

Ganjaran duduk bertahan di tempat solatnya adalah mendapat doa keampunan dan rahmat dari malaikat.

Sabda Rasulullah saw yang bermaksud :

“ Malaikat berterusan berdoa kepada seseorang kamu, selama dia masih di tempat solatnya yang dia bersolat di situ, selagi dia belum berhadap. Malaikat berdoa : “ Ya Allah ! Ampuni dia. Ya Allah ! Rahmatilah dia.

(Riwayat al-Bukhari)

5. Meredah kegelapan malam untuk ke masjid.

Sabda Nabi SAW yang bermaksud :

“ Berikan berita gembira buat mereka yang selalu berjalan meredah kegelapan untuk ke masjid dengan mendapat cahaya sempurna pada hari kiamat kelak.”

(Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmizi)

Sidang Jumaat yang dimuliakan.

Penuhilah rumah-rumah Allah dan kunjungilah ia sekerap yang mungkin, bukan hanya untuk solat Jumaat semata-mata. Malah, amat malang jika ada yang bertandang ke masjid sekadar untuk menunaikan dua solat hari raya sahaja.

Penularan wabak Covid-19 pernah memberi kesan besar dalam jiwa umat Islam apabila aktiviti melibatkan masjid terpaksa dihadkan. Namun hari ini, janganlah kita menjadikan alasan COVID-19 untuk tidak hadir solat berjemaah di masjid. Cintailah masjid, nescaya kita akan dicintai Allah. Orang yang dicintai Allah, dia akan dilindungi Allah swt.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Bermaksud :“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

(Surah At-Taubah: 18)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطَّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, pertautkanlah hati kami, perbaikilah hubungan sesama kami, tunjukkan kami jalan-jalan kesejahteraan, selamatkan kami daripada kesesatan, bimbinglah kami menuju kepada kebenaran, jauhkan kami daripada segala keburukan dan kejahatan yang zahir mahupun tersembunyi.

Ya Allah, perkayakan kami dengan ilmu pengetahuan, perelokkan kami dengan budi pekerti, muliakan kami dengan ketakwaan, dan hiasilah kami dengan kesihatan yang baik.

Ya Allah, berkati dan rahmatilah kehidupan, keluarga dan keturunan kami. Terimalah taubat kami, sesungguhnya Engkau yang Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang. Jadikanlah kami orang-orang yang bersyukur akan nikmat-Mu, penyanjung nikmat-Mu, penerima kurniaan nikmat-Mu, dan sempurnakanlah nikmat-Mu kepada kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.